

Jenis Akhbar : Sinar Harian
Tarikh : 21/03/2019
Edisi / Muka Surat : Timur / 17
Tajuk : ANGKASA bantu koperasi daftar LHDN

Angkasa bantu koperasi daftar LHDN

KOTA BHARU - Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) membantu koperasi sekolah untuk mendaftar dengan Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Presidennya, Datuk Abdul Fattah Abdullah berkata, selepas perjanjian dimeterai November tahun lalu, sebanyak 3,500 daripada 14,094 koperasi yang berdaftar di bawah Suruhanjaya Koperasi seluruh negara, membuat pendaftaran dengan LHDN.

Dari jumlah itu katanya, 200 koperasi sahaja didapati dikenakan cukai pendapatan perniagaan.

"Maka tiada sebab mereka perlu takut untuk mendaftar dengan LHDN kerana koperasi mikro dikecualikan cukai.

"Malah banyak syarat perlu dicapai bagi membolehkan mereka layak dikenakan cukai," katanya selepas Persidangan Angkasa Kelantan dan Penyerahan Laman Angkasa, semalam.

Persidangan yang diha-



Abdul Fattah beramah mesra dengan wakil koperasi yang hadir di Persidangan Angkasa Kelantan, semalam.

diri 500 wakil koperasi seluruh Kelantan itu turut dihadiri Timbalan Presidennya, Datuk Kamarudin Ismail.

Abdul Fattah yang juga Presiden Organisasi Koperasi Asean berkata, lebih 80 peratus daripada keseluruhan koperasi seluruh negara mempunyai perolehan kurang RM1 juta.

Katanya, antara syarat yang membolehkan koperasi dikenakan cukai ialah

beroperasi melepasi tempoh lima tahun dan pendapatan melebihi RM 750,000.

"Kurangnya kesedaran merupakan antara penyumbang kepada kurangnya pendaftaran koperasi dengan LHDN.

"Selain itu kebanyakan koperasi mikro dipercayai gusar untuk mengambil langkah itu kerana takut dikenakan cukai pendapatan syarikat," katanya.

Perustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA